

## 'Malaysia boleh jadi negara usang'

**Kira-kira RM100 bilion nilai rumah yang tidak terjual direkodkan**

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR

**M**alaysia akan menjadi sebuah negara yang dipenuhi bangunan-bangunan usang sekiranya isu lambakan unit kondominium dan pangsapuri mewah yang gagal dijual tidak diselesaikan segera.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin berkata, keadaan itu begitu mengusarkan kerajaan kerana sehingga kini, kira-kira RM100 bilion nilai rumah yang tidak terjual direkodkan.

"Bayangkan rumah-rumah ini tidak terjual, tidak berpenghuni. Kelihatan seperti sebuah negara usang dengan bangunan-bangunan usang.

"Jadi, menyedari masalah itu, banyak usaha sudah

kita lakukan termasuk menerusi Kempen Pemilikan Rumah (HOC). Sebanyak kira-kira 21,000 unit rumah bernilai RM13.44 bilion berjaya dijual di bawah HOC yang mula dilaksanakan 1 Januari lalu," katanya.

Beliau menjawab pertanyaan tambahan daripada Steven Choong Shiau Yoon (PH-Tebrau) pada sesi jawab lisan berhubung kesan sekiranya lambakan rumah mewah di negara ini tidak boleh dijual.

Mengulas lanjut, Zuraida berkata, berdasarkan data Pusat Maklumat Harta Tanah Negara Suku Kedua 2019, terdapat 4,213 (12.8 peratus) dengan nilai RM8.3 bilion rumah mewah tidak terjual yang berharga RM1 juta dan ke atas di negara ini.

"Lambakan rumah mewah yang bernilai RM1 juta dan ke atas ini telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi serta mewujudkan permasalahan sosial di kawasan-kawasan rumah yang tidak diduduki ini.

"Sehubungan itu penjualan rumah mewah kepada warga asing ini dapat mengurangkan lambakan unit rumah sedia ada serta menggalakkan pertum-



ZURAIDA

buhan ekonomi secara keseluruhannya," katanya.

Terdahulu, Tan Sri Annuar Musa (BN-Keterah) dalam soalan lisan meminta Zuraida menyatakan sejauh mana sasaran yang diletakkan dalam pemilikan rumah mewah oleh warga asing di negara ini.

Zuraida bagaimanapun menjelaskan kerajaan tidak meletakkan sasaran yang khusus bagi pemilikan rumah mewah oleh warga asing namun satu data bersepadu yang sedang dibangunkan mampu menentukan hala tuju perkara berkenaan.

"Ketika ini harga-harga rumah untuk warga asing tertakluk kepada perjanjian kerajaan negeri yang berbeza-beza. Kerajaan negeri turut mempunyai dasar

pemilikan hartanah warga asing bagi memastikan pihak pemaju tidak sewenang-wenangnya membina rumah mewah yang bertujuan untuk dijual kepada warga asing dan warga asing berkenaan tidak sewenang-wenangnya boleh membeli rumah tanpa kawalan sehingga menimbulkan spekulasi pasaran harga rumah.

"Berdasarkan transaksi jual beli harta tanah kediaman yang dikeluarkan oleh NAPIC, sehingga kini (Januari 2019-Juni 2019), jumlah pemilikan rumah oleh warga asing adalah amat rendah dengan jumlah sebanyak 398 orang (0.4 peratus) berbanding pemilikan oleh warga Malaysia iaitu 99,524 orang (99.6 peratus). Secara keseluruhan, transaksi ini menunjukkan pasaran harta tanah kediaman bagi warga asing masih terkawal," katanya.

Dalam masa sama beliau berkata, kerajaan juga tidak berhasrat untuk mengintegrasikan program HOC dan Malaysia My Second Home (MM2H) kerana kedua-dua program berkenaan mempunyai tujuan dan kumpulan sasar yang berbeza.